



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

7 APRIL 2026 (SELASA)

2500 Ekor Ayam 90 Sen 'Licin' dalam Dua Jam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	28	7 April

2,500 ekor ayam 90 sen 'licin' dalam dua jam

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 2,500 ekor ayam yang dijual pada harga 90 sen seekor habis dalam tempoh dua jam di Jalan Merbau Patah, di sini, semalam.

Selain membantu orang ramai mendapatkan ayam pada harga promosi, jualan tersebut diadakan sempena perpindahan gerai perniagaan Profesor Ayam Segar ke lokasi baharu, iaitu kira-kira 50 meter dari tapak asal.

Pemiliknya, Mohd. Sulaimi Hasan, 58, berkata, jualan bermula seawal pukul 8 pagi itu mendapat sambutan luar biasa apabila semua ayam 'licin' menjelang pukul 10 pagi.

Katanya, orang ramai mula beratur seawal selepas waktu subuh bagi mendapatkan ayam pada harga promosi berkenaan.

"Tak sangka sambutan begitu menggalakkan, namun kami hanya mampu menyediakan 2,500 ekor. Setiap pelanggan pula dihadkan kepada dua ekor. Ramai juga yang tidak sempat membeli. Jika ada rezeki lebih, kami bercadang mengadakan jualan seperti ini lagi pada masa akan datang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.


Sementara itu, seorang pelanggan, Shukri Abdullah, 47, berkata, dia datang seawal pukul 7.30 pagi selepas mengetahui mengenai jualan berkenaan melalui media sosial.

Katanya, peluang membeli ayam pada harga 90 sen seekor amat jarang diperolehi, lebih-lebih lagi dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Ini kali pertama saya dapat beli ayam pada harga serendah ini. Memang berbaloi dan sangat membantu pengguna. Saya ucapkan terima kasih kepada peniaga kerana menawarkan harga yang sangat murah," katanya.

Bawa Lembu ke Tepi Sungai Ragut Rumput

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	7 April



CUACA panas memaksa Halim membawa lembu ternakannya untuk memakan rumput dan minum air di tepi sungai di Segamat semalam.

Bawa lembu ke tepi sungai ragut rumput

- **Cuaca panas turut jejakkan haiwan ternakan**
- **Kawasan ragut jadi kering ekoran El Nino**

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT - Cuaca panas ekstrem ekoran fenomena El Nino yang melanda negeri ini bukan hanya menyebabkan manusia kurang selesa, malah membuatkan penternak mengambil langkah luar biasa apabila membawa haiwan masing-masing ke tepi sungai untuk mendapatkan sumber makanan dan air.

Halim Mohd., 69, berkata, keadaan padang ragut yang semakin kering memaksanya membawa ternakan ke lereng Sungai Segamat sejak beberapa bulan lalu.

Katanya, rumput di kawasan berhampiran sungai masih kekal

menghijau walaupun cuaca panas melanda, sekali gus menjadi satu-satunya pilihan untuk memastikan haiwan ternakannya terus mendapat makanan mencukupi.

"Saya tiada pilihan lain kerana kebanyakan kawasan ragut sudah kering. Di tepi sungai ini sahaja rumput masih ada dan lembu juga boleh minum air dengan mudah," katanya ketika ditemui di sini.

Halim berkata, dia membawa kira-kira 25 ekor lembu dari kandangnya di Jalan Hassan ke Sungai Segamat, sejauh kira-kira dua kilometer, sebanyak tiga kali seminggu.

Katanya, keadaan itu menunjukkan bukan sahaja manusia terkesan dengan musim kemarau, malah haiwan ternakan turut berdepan kekurangan sumber makanan dan air.

"Lembu-lembu ini kurang minum dan sukar mendapat rumput segar. Jadi saya perlu

pastikan mereka dibawa ke kawasan yang masih mempunyai sumber semula jadi," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, faktor keselamatan turut diambil kira memandangkan paras air sungai kini lebih cetek berikutan cuaca panas.

Jelasnya, lembu-lembu tersebut hanya dilepaskan di kawasan cetek bagi mengelakkan risiko tergelincir atau lemas.

"Air sungai sekarang surut, jadi lembu hanya minum di gigi air. Saya juga sentiasa memantau dan mengawal pergerakan mereka," katanya.

Tambahnya, dia menggunakan laluan lereng sungai untuk membawa pulang ternakan ke kandang bagi mengelakkan haiwan itu memasuki jalan utama dan mengganggu lalu lintas.

Dia berharap cuaca panas berakhir segera kerana situasi berpanjangan akan terus menjejaskan bekalan makanan serta kesihatan ternakan.

2500 Ekor Ayam Segar dijual 90 Sen

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	14	7 April

2,500 ekor ayam segar dijual 90 sen



SEBAHAGIAN pengguna beratur untuk membeli ayam di Merbau Patah, Kuala Terengganu semalam.

- Beratur seawal 6.16 pagi, licin dalam masa 30 minit
- Setiap pelanggan dapat beli dua ekor

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI

KUALA TERENGGANU – Lebih 1,200 orang sanggup beratur seawal pukul 6.15 pagi untuk membeli ayam yang ditawarkan pada harga 90 sen seekor di Merbau Patah, di sini, semalam.

Sebanyak 2,500 ekor ayam segar ditawarkan terjual dalam tempoh kira-kira setengah jam sahaja.

Pengusaha kedai ayam, Mohd. Sulaimi Hassan, 58, berkata, dia mengambil inisiatif menjual ayam dengan harga murah sebagai sokongan pelanggan terhadapnya sejak 13 tahun lalu.

"Kedai saya telah berkembang pesat dan kini mempunyai 13 cawangan di seluruh Terengganu. Jualan murah ini juga demi meringankan beban kos sara hidup pengguna," katanya ketika ditemui di Merbau Patah, di sini, semalam.

Mohd Sulaimi berkata, jualan ayam segar tersebut terhad kepada dua ekor bagi setiap pelanggan bagi memastikan ramai dapat menikmatinya.

Seorang pelanggan, Muhamad Ali Mustam, 45, berkata, dia yang menetap di Batu Buruk di sini sanggup beratur panjang bersama isterinya untuk membeli ayam segar selepas menghabiskan anak-anak ke sekolah.

"Alhamdulillah, saya dan isteri berjaya beli dua ekor seorang iaitu empat ekor sekeluarga. Anak-anak kami memang suka makan ayam. Peluang membeli ayam murah seperti ini tidak akan dilepaskan," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR